

# J.P.Morgan

## Notis Privasi – Malaysia

Dikemas kini pada Oktober 2024

### Pengenalan

Notis ini terpakai kepada J.P. Morgan Chase Bank Berhad, JPMorgan Chase Bank, N.A.- Cawangan Labuan dan JPMorgan Securities (Malaysia) Sdn Bhd atau mana-mana ahli gabungannya (atau ahli-ahli gabungan JPMorgan Chase & Co.) yang terletak di Malaysia (secara kolektif, “**J.P.Morgan**” atau “**kami**”).

Privasi anda adalah penting bagi kami. Notis ini menerangkan apa dan bagaimana kami mengumpul, berkongsi, menggunakan dan melindungi maklumat peribadi anda apabila anda mengakses laman web ini atau memperoleh atau menggunakan sebarang produk atau perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh J.P. Morgan yang berkait atau merujuk kepada Notis ini.

### Prinsip-Prinsip Privasi

- Keperluan untuk memberikan maklumat peribadi anda.

Dari semasa ke semasa, kami mungkin meminta anda untuk membekalkan J.P. Morgan dengan maklumat peribadi anda berkaitan dengan tujuan-tujuan yang disenaraikan dalam Notis ini. Jika anda gagal memberikan maklumat peribadi sedemikian, kami mungkin tidak dapat memberikan anda perkhidmatan kami (atau mana-mana bahagian daripadanya), termasuk membuka akaun, atau mematuhi mana-mana undang-undang atau peraturan atau garis panduan dan kod yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pihak berkuasa lain.

- Kami berusaha untuk melindungi maklumat anda.

Kami mengambil tanggungjawab kami untuk melindungi privasi dan kerahsiaan maklumat peribadi anda dengan amat serius. Kami mengekalkan perlindungan-perlindungan fizikal, elektronik dan prosedur yang mematuhi keperluan-keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 untuk melindungi maklumat peribadi tersebut daripada akses dan penggunaan tanpa kebenaran, pengubahan dan pemusnahan secara tidak sengaja atau menyalahi undang-undang, dan sebarang bentuk pemprosesan lain yang menyalahi undang-undang atau tidak dibenarkan. Kami memegang kakitangan-kakitangan kami bertanggungjawab untuk mematuhi dasar, prosedur dan peraturan berkaitan privasi dan kerahsiaan maklumat peribadi.

- Kami mahu anda memahami jenis maklumat yang kami kumpulkan dan cara kami menggunakan.

— Jenis-jenis maklumat peribadi yang kami kumpul daripada anda apabila anda mengakses laman web ini atau memperoleh atau menggunakan sebarang produk atau perkhidmatan kewangan yang

ditawarkan oleh J.P. Morgan termasuk nama anda, maklumat perhubungan perniagaan, alamat e-mel, alamat surat menyurat, nombor telefon, nombor akaun, maklumat lokasi terhad (contohnya, kod pos untuk membantu anda mencari pejabat J.P. Morgan berhampiran anda), nama pengguna dan kata laluan. Kami juga mungkin mengumpul maklumat pengenalan, jantina, bangsa, kewarganegaraan dan pengecam biometrik apabila anda memberikannya secara langsung kepada kami semasa menggunakan produk dan perkhidmatan kami, dan di mana kami percaya ia diperlukan mengikut keperluan perniagaan yang wajar. Dalam sesetengah keadaan, kami mencipta maklumat peribadi tentang anda, seperti rekod interaksi anda dengan kami. Kami tidak mengumpul atau memproses maklumat peribadi yang sensitif melainkan ia dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang; diperlukan untuk pengesanan atau pencegahan jenayah; diperlukan untuk menubuhkan, melaksanakan atau mempertahankan hak undang-undang; atau kami mendapat persetujuan jelas anda terlebih dahulu.

- Selain daripada maklumat peribadi yang diterangkan di atas, kami mengumpul maklumat tertentu mengenai penggunaan laman web kami atau sebarang perkhidmatan dalam talian oleh anda. Sebagai contoh, kami mengambil alamat IP peranti yang anda gunakan untuk menyambung kepada perkhidmatan dalam talian, jenis sistem pengendalian dan penyemak imbas yang anda gunakan, dan maklumat tentang laman yang anda lawati sebelumnya, bahagian-bahagian perkhidmatan dalam talian kami yang anda akses dan laman yang anda lawati seterusnya. Seperti yang dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Polisi Kuki kami, kami dan rakan-rakan kongsi pihak ketiga kami menggunakan kuki (serta suar web atau teknologi lain) untuk mengumpul dan menyimpan maklumat ini dan maklumat lain mengenai lawatan anda, atau penggunaan terhadap perkhidmatan dalam talian kami. Kami kemudiannya boleh mengaitkan penggunaan dan maklumat lain yang kami kumpulkan dalam talian dengan maklumat peribadi mengenai anda, seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang.

Pautan ke [Polisi Kuki](#)

- Kami kadangkala mengumpul maklumat mengenai anda daripada sumber-sumber dalam talian dan luar talian tambahan termasuk media sosial (setakat yang anda pilih untuk mendedahkan maklumat peribadi anda) dan sumber-sumber pihak ketiga yang tersedia secara komersial, seperti agensi pelaporan kredit. Kami mungkin menggabungkan maklumat ini dengan maklumat peribadi dan maklumat lain yang kami kumpulkan mengenai anda di bawah Notis ini.
- Di mana kami dikehendaki mewujudkan asas undang-undang untuk memproses maklumat peribadi anda seperti yang diterangkan dalam Notis ini, kami akan berbuat demikian atas dasar bahawa kami telah mendapat kebenaran nyata anda terlebih dahulu untuk pemprosesan; kami mempunyai kepentingan perniagaan yang sah dalam pemprosesan yang tidak ditindih oleh kepentingan, hak asasi atau kebebasan anda; atau pemprosesan diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang terpakai, untuk melaksanakan kontrak anda dengan kami, atau untuk melindungi kepentingan penting mana-mana individu.
- Kami menggunakan dan sebaliknya memproses maklumat yang kami kumpulkan daripada anda untuk membantu kami menyampaikan produk dan perkhidmatan kami; untuk mentadbir, menilai

dan menambah baik perniagaan kami (termasuk membangunkan produk dan perkhidmatan baharu, menambah baik produk dan perkhidmatan sedia ada, melaksanakan analisis data dan tugas penyelidikan lain, berkomunikasi dengan anda melalui sebarang cara, dan melaksanakan perakaunan, pengauditan dan fungsi-fungsi dalaman yang lain); menguruskan risiko-risiko kami; untuk memasarkan perkhidmatan dan produk kami; dan untuk mematuhi dan menguatkuaskan undang-undang dan peraturan yang terpakai, piawaian-piawaian industri yang berkaitan, kewajipan-kewajipan kontrak dan polisi-polisi kami. Kami juga menggunakan data yang kami kumpulkan secara agregat atau tanpa nama (sehingga ia tidak mengenal pasti mana-mana individu atau pelanggan) untuk pelbagai tujuan perniagaan, jika dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

- Kami berhasrat untuk mengumpul hanya apa yang kami perlukan, memastikannya dikemas kini dan menyingkirkannya apabila kami tidak memerlukannya lagi.
  - Kami mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa maklumat peribadi yang kami proses adalah terhad kepada perkara yang kami perlukan berkaitan dengan tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini; ia adalah tepat dan, jika perlu, sentiasa dikemas kini; dan ia dimusnahkan atau diperbetulkan tanpa kelewatian jika ia tidak tepat. Dari semasa ke semasa kami mungkin meminta anda mengesahkan ketepatan maklumat peribadi anda.
  - Kami akan mengekalkan salinan-salinan dalam bentuk yang membenarkan pengenalan untuk tempoh yang kami anggap perlu berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, melainkan undang-undang yang berkenaan memerlukan tempoh pengekalan yang lebih lama. Khususnya, kami akan mengekalkan maklumat peribadi selagi ia diperlukan untuk mewujudkan, melaksanakan atau mempertahankan sebarang hak undang-undang.
- Kami menghormati dan melindungi privasi anda setiap masa.
  - Untuk kemudahan anda, J.P. Morgan menawarkan anda keupayaan untuk mengakses beberapa produk dan perkhidmatan kami melalui aplikasi mudah alih dan laman web yang dioptimumkan untuk mudah alih. Apabila anda berinteraksi dengan kami melalui peranti mudah alih anda, kami mengumpul maklumat seperti pengecam peranti unik, peleraian skrin anda dan tetapan peranti lain, maklumat mengenai lokasi anda dan maklumat analisis mengenai cara anda menggunakan peranti mudah alih anda. Kami biasanya meminta kebenaran anda sebelum mengumpul maklumat tertentu seperti maklumat geolokasi yang tepat.
- Kami berkongsi maklumat peribadi dengan ahli-ahli gabungan dan pihak-pihak lain apabila kami percaya ia akan meningkatkan perkhidmatan dan produk yang boleh kami berikan kepada anda atau atas sebab undang-undang dan rutin perniagaan.
  - Kami berkongsi maklumat peribadi di kalangan ahli-ahli gabungan dan unit-unit perniagaan kami apabila kami percaya ia akan meningkatkan perkhidmatan yang boleh kami sediakan, tetapi hanya dalam keadaan di mana perkongsian tersebut mematuhi undang-undang, sebarang perjanjian kerahsiaan yang terpakai, dan polisi serta amalan kami. Selain itu, kami berhak untuk berkongsi

maklumat peribadi anda berkaitan dengan perubahan korporat termasuk penggabungan, pemerolehan atau penjualan semua atau mana-mana bahagian perniagaan atau aset kami yang berkaitan.

- Kami mendedahkan maklumat yang kami ada mengenai anda seperti yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang. Sebagai contoh, kami berkongsi maklumat dengan pihak berkuasa kawal selia dan pegawai penguatkuasa undang-undang apabila kami percaya dengan niat baik bahawa pendedahan tersebut perlu untuk mematuhi keperluan undang-undang.
  - Kami berkongsi maklumat dengan pihak-pihak ketiga jika sesuai untuk melindungi daripada penipuan atau mengesahkan atau menguatkuasakan syarat-syarat penggunaan kami, hak-hak kami yang lain atau polisi-polisi lain yang berkenaan.
  - Dari semasa ke semasa, kami memeterai perjanjian-perjanjian dengan syarikat lain untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami, atau untuk menyediakan perkhidmatan dan produk kepada anda. Jika syarikat-syarikat ini menerima maklumat peribadi anda, mereka dikehendaki melindunginya dan hanya menggunakan untuk tujuan yang kami nyatakan.
  - Kami boleh berkongsi maklumat peribadi anda dengan mana-mana pihak atau entiti jika kami mendapat persetujuan anda untuk berbuat demikian.
- Kami menghantar, memindahkan atau memproses maklumat kepada, atau melalui, negara-negara lain di dunia, seperti yang kami anggap perlu, sesuai atau konsisten dengan kewajipan undang-undang atau kawal selia.
    - Sebagai sebuah syarikat global, kami berusaha untuk menyediakan anda akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan berkualiti tinggi di mana sahaja anda berada. Untuk mencapai ini, kadangkala kami berkongsi maklumat peribadi anda di kalangan ahli-ahli keluarga syarikat atau pembekal perkhidmatan JPMorgan Chase & Co. dan pihak-pihak ketiga lain yang terletak di luar negara asal anda. Negara-negara ini mungkin mempunyai undang-undang dan keperluan pematuhan perlindungan data yang berbeza, dengan sesetengah negara menyediakan lebih banyak perlindungan daripada yang lain. J.P. Morgan akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan maklumat peribadi anda dikendalikan seperti yang diterangkan dalam Notis ini.
    - Di mana ia diperlukan, kami akan mematuhi rangka kerja undang-undang yang berkenaan yang berkaitan dengan pemindahan maklumat peribadi.
  - Kami menghormati hak anda mengenai pemrosesan maklumat peribadi dan memberikan anda pilihan yang relevan dan sesuai.
    - Bergantung pada cara dan lokasi yang anda berinteraksi dengan kami, anda mungkin mempunyai hak kepada satu atau lebih daripada yang berikut berkenaan dengan maklumat peribadi anda yang kami proses atau kawal:

- meminta akses, atau salinan, maklumat peribadi anda;
  - meminta pembetulan bagi sebarang ketidaktepatan;
  - meminta pemadaman, penangguhan atau sekatan pemprosesan;
  - membantah pemprosesan (termasuk pemprosesan automatik) oleh kami atau bagi pihak kami;
  - membuat maklumat peribadi dipindahkan kepada pihak lain dalam kes-kes tertentu;
  - menarik balik kebenaran pemprosesan; dan
  - membuat aduan-aduan dengan pihak berkuasa perlindungan data mengenai sebarang pemprosesan oleh kami atau bagi pihak kami.
- Selain daripada hak-hak yang anda miliki di bawah undang-undang perlindungan data yang berkenaan, kami boleh memberi anda pilihan berkenaan perkongsian maklumat peribadi dengan ahli-ahli gabungan dan pihak-pihak ketiga berdasarkan hubungan anda dengan kami sebagai institusi kewangan. Pilihan yang anda ada mengenai perkongsian maklumat peribadi anda akan diterangkan dalam polisi privasi atau notis yang anda terima daripada kami, seperti yang diberikan berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kewangan tertentu yang anda peroleh daripada kami.
- Kami menghormati keputusan anda mengenai pengumpulan maklumat peribadi yang berkaitan dengan aktiviti dalam talian anda dari semasa ke semasa dan merentasi laman web yang berbeza bagi tujuan pengiklanan.
    - J.P. Morgan tidak membenarkan pihak-pihak ketiga yang tidak berkaitan untuk mengumpul maklumat peribadi mengenai aktiviti-aktiviti dalam talian anda apabila anda melayari laman web kami. Kami juga tidak menggunakan maklumat peribadi yang dikumpul di atas laman-laman web bukan gabungan bagi tujuan menyampaikan pengiklanan kepada anda yang berkaitan dengan tingkah laku penyemakan imbas anda. Jika kami terlibat dalam amalan ini pada masa hadapan, kami akan memberikan notis dan pilihan yang sesuai supaya anda boleh menarik diri daripada amalan tersebut.
  - Kami memberitahu anda apabila polisi dan amalan privasi kami berubah.
    - Kami boleh meminda Notis ini dari semasa ke semasa. Apabila kami berbuat demikian, kami akan memberitahu anda dengan cara yang sesuai seperti dengan menyiarkan teks yang dikemaskini pada halaman ini dengan tarikh "Dikemas kini pada" baharu. Semua pindaan akan berkuat kuasa apabila disiarkan melainkan dinyatakan sebaliknya. Kami menggalakkan anda kerap menyemak halaman ini untuk sebarang pindaan yang mungkin kami lakukan.

- Kami ingin mendengar daripada anda jika anda mempunyai soalan.

— Jika anda mempunyai komen, soalan atau kebimbangan mengenai mana-mana maklumat dalam Notis ini, atau sebarang isu lain yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi anda oleh J.P. Morgan di bawah Notis ini, sila hubungi:

Unit Aduan  
Tingkat 18, Integra Tower  
The Intermark  
348, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia.

E-mel: [complaints\\_unit@jpmorgan.com](mailto:complaints_unit@jpmorgan.com)

— J.P. Morgan mempunyai hak untuk mengenakan bayaran untuk pemprosesan sebarang permintaan akses data mengikut terma-terma Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.  
— Jika pada bila-bila masa, anda mendapati maklumat peribadi semasa yang kami pegang mengenai anda adalah tidak tepat, tidak lengkap atau lapuk, sila hubungi perhubungan perkhidmatan pelanggan J.P. Morgan biasa anda.